

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13 / 09 / 2007

PGCC lonjak kemajuan P. Pinang

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD
dan WAN NAJIB WAN DAUD

PULAU PINANG 12 Sept. - Projek Penang Global City Centre (PGCC) bernilai RM25 bilion di Batu Gantung di sini bakal melonjakkan Pulau Pinang sebagai pusat perkhidmatan termasyhur di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, projek destinasi persidangan dan pameran antarabangsa (MICE) itu akan melengkapkan negeri ini sebagai hab logistik dalam inisiatif Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara).

"PGCC akan dikenali sebagai mercu tanda baru bagi mempromosikan Pulau Pinang, iaitu negeri masyhur yang menjadi pusat pembangunan ekonomi negara di samping menjadi pemangkin Koridor Utara," katanya ketika berucap melancarkan projek PGCC di Hotel Equatorial di sini hari ini.

Reka bentuk PGCC merangkumi pusat persidangan dan pameran antarabangsa dengan dua menara ikonik, kompleks beli-belah dan sebuah panggung kesenian yang canggih.

Ia turut melibatkan pembangunan sebuah taman di pusat bandar Pulau Pinang yang akan menghubungkan Taman Belia

PGCC akan dikenali sebagai mercu tanda baru bagi mempromosikan Pulau Pinang, satu-satunya negeri yang masyhur serta menjadi pusat pembangunan ekonomi negara di samping menjadi pemangkin Koridor Utara

dan Taman Botani sekali gus mewujudkan 5,000 peluang kerja pembinaan serta 2,000 pekerjaan perkhidmatan sampingan.

Kerja-kerja pembinaan projek yang terletak di tapak Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang sedia ada yang berkeluasan 104 hektar dijangka dimulakan dalam masa 12 bulan dari sekarang.

Fasa pertama projek melibatkan pembinaan sebuah taman rekreasi awam seluas 10.4 hektar dikenali Taman Central dengan anggaran kos pembinaan infrastruktur asas sebanyak RM40 juta.

Ia juga akan menjadi kawasan bebas karbon yang pertama di negara ini seperti beberapa bandar raya di Amerika Syarikat (AS) dan China.

Pelan utama PGCC direka oleh Nasrine Seraji dari Perancis sementara reka bentuk binaannya oleh arkitek terkenal dunia, Hani Rashid dari New York, AS.

Abdullah menjelaskan, Pulau Pinang merupakan pintu masuk utama wilayah utara dengan wujudnya lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan pelabuhan yang serba lengkap.

Sehubungan itu, jelas beliau, amat penting pembangunan negeri ini bertaraf antarabangsa, terbaik selain bermutu tinggi.


Beliau berkata, ramai ahli perniagaan terkemuka dunia membuka pejabat serta kilang di negeri ini kerana yakin dengan kepesatan ekonominya selain kemudahan infrastruktur yang baik.

"Apa yang kerajaan mahu sekarang ialah sebuah pusat perkembangan ekonomi negara selain Lembah Klang.

"Projek ini telah pun mendapat kelulusan Kerajaan Pusat dan saya mahu pembinaannya dimulakan segera sebaik sahaja kita lancarkan hari ini," kata Perdana Menteri.

Um - 13/9/2007

ABDULLAH
AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



MODEL Penang Global City Centre yang dilancarkan oleh Abdullah Ahmad Badawi di Pulau Pinang, semalam.